



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 APRIL 2016

# MAHB tambah RM88.34j perbesar projek di Turki

BH - 14/4/2016

Tuan Mohamad Asri  
Tuan Hussein

bhnews@bh.com.my

ISTANBUL, TURKI



» ISG sasar kendali 41 juta penumpang berbanding 33 juta 2016

**M**alaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), pemilik dan pengendali Lapangan Terbang Antarabangsa Sabiha Gocken (ISG) memperuntukkan pelaburan tambahan 20 juta euro (RM88.34 juta) bagi pembesaran lapangan terbang itu.

Langkah itu akan meningkatkan keupayaan pengendalian penumpang di ISG kepada 41 juta orang berbanding 33 juta ketika ini.

Pengalaman dan kepakaran 15 tahun mengendalikan sembilan lapangan terbang di luar negara akan dimanfaatkan MAHB untuk memastikan operasi ISG menepati piawaian disasarkan.

Pengarah Urusan MAHB, Datuk Badlisham Ghazali, berkata projek terbaru itu dijangka siap sepenuhnya pada 2018 dan ia selaras saranan kerajaan supaya lebih banyak syarikat milik kerajaan melabur di luar negara.

#### Manfaat kepakaran

"ISG adalah lapangan terbang kedua terbesar di Turki dan paling pesat membangun di Eropah sejak tujuh tahun lalu.

"Kedudukan geografi Istanbul yang begitu strategik memberi kelebihan kepada MAHB



Najib yang kini berada di Turki untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), turut melakukan **kunjungan hormat ke atas Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan**, semalam. [FOTO IHSAN PEJABAT PRESIDEN TURKI]

untuk menarik pasaran penumpang dari India, Asia Barat dan Afrika," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang tiba di sini, semalam untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Ke-13. Yang turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor.

Terdahulu, ketibaan Najib disambut Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, Duta Malaysia ke Turki, Datuk Amran Mohamed Zin dan Pengerusi MAHB, Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah.



**Najib yang diiringi Rosmah mendengar taklimat** Wan Abdul Aziz mengenai kemudahan di ISG sebaik tiba bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam Ke-13 di Istanbul, semalam.